

# Ismail jadi Datuk Muda Linggi?

SEREMBAN, Rabu — Seorang anak Waris Datuk Muda Linggi daripada Perut Hillir, Haji Ismail Abdul Jalal dijangka dilsyiharkan sebagai penyangang pesaka Datuk Muda Linggi yang baru dalam satu istiadat di Linggi esok.

Bellau akan menggantikan tempat Datuk Abu Zarim Haji Mulop yang telah dipecat daripada menjadi penyangang pesaka Datuk Muda Linggi oleh kira-kira 100 anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Pe-

rut dalam satu kerapatan adat pada 27 Mac lalu.

Anak-anak Waris itu telah menggariskan enam kesalahan adat yang dikatakan dilakukan oleh Datuk Abu Zarim termasuk campurtangan bellau dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Sumber-sumber tertinggi adat berkata anak-anak Waris Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut akan menyempurnakan istiadat 'menebus pesaka'

di hadapan Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan di Balai Datuk Shahbandar Kampung Belangan dekat sini hari ini.

Istiadat ini akan disusuli pula oleh istiadat 'bertabur melukut' (kenduri) serta istiadat perantikan penyangang pesaka Datuk Muda Linggi yang baru di rumah seorang Waris perempuan Datuk Muda Linggi di Linggi esok.

Aturan adat menggariskan bahawa pesaka Datuk Muda Linggi hendaklah digilirkan di

kalangan anak-anak Waris lelaki Datuk Muda Linggi daripada tiga Perut iaitu Pengkalan, Solok dan Hillir.

Datuk Abu Zarim, yang dilantik menjadi penyangang pesaka Datuk Muda Linggi pada awal 1981 adalah daripada Perut Pengkalan.

Aturan adat juga menggariskan bahawa penyangang pesaka Datuk Muda Linggi adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi, yang termasuk dalam Luak Sungai Ujong.

Sistem pentadbiran adat di Wilayah Linggi dianggap paling unik di Negeri Sembilan kerana ia mengamalkan Adat Temenggong dan bukannya Adat Perpatih seperti yang diamalkan di Luak lain di negeri ini.

Berita Harian difahamkan bahawa Datuk Shahbandar Shahari akan mengepalai ketua-ketua adat Luak Sungai Ujong dalam istiadat perantikan penyangang pesaka Datuk Muda Linggi yang baru esok.

Istiadat itu akan turut dihadiri oleh Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong serta ketua-ketua adat yang mewakili anak-anak Waris di Darat dan di Air Luak itu.

اوتوسن ملايو  
14. 10. 1975



حاج اسمعيل

حاج اسمعيل

داتو مودا

ليثيكي

ليثيكي، نكري سمينين 13

اكتوبر - حاج اسمعيل بن

حاج حلال 49 تاهون تله

دنتيق سباكي داتو مودا

ليثيكي دالم ساتو فيلينغ

برجالن دسكوله رنده جنيسر

كيشان المكريس دسيني فاكلي

كلمارين.

بكرين سرجن فوليسن هان

او سي. ايس. بالي فوليسن

كفرغ، سلافور حاج اسمعيل

تمه عمر اوليهي 280 اوندي

مضالهن لاون حاج محمد

يوسف بن مسفراوليسهي 255

اوندي. اوندي روسق اياه

الم.

سرمي 814 اورغ وارث 2

ليثيكي دري سلوره نكارا تله

باليق ككشورغ اتوق بمواغ

اوندي بن برجالن ددسن

قناوي دايره فورة ديقسن، ا.

بشيدان بن عبدالمناس.

حاج اسمعيل مندافة ديد يقسن

دسكوله ملايو ليثيكي هفك

درجه 5 دان منجادي كوزو

فلايه دسكوله لوبوق جينا

ملما 2 تاهون 1930-1932

منجادي فاسوقكن ايف عيم.

ايس. هفك 1936 دان

منجادي بودق فجاية دالم

تاهون 1939 دوفوليس ديفوه.

دالم تاهون 1940 بليو

فاسوقكي فاسوقكن فوليسن

دان فيجين فده تاهون 1970

دغن ميندغ ففكة سرجن دان

منجادي او. سي. ايس. سرت

فتولغ فكاوي ريسيتي كقوغ.

ULASAN: Pemilihan Haji Ismail bin Haji Jalal pada 12hb. Oktober, 1975 tidak dapat diterima oleh Dato' Kelana Petra Undang Luak Sungai Ujong kerana ia tidak melalui saluran adat.

# Haji Ismail diisytihar Datuk Muda Linggi baru

Oleh BUSTAMAM AHMAD

LINGGI, Khamis — Haji Ismail Abdul Jalal, 70, hari ini diisytiharkan sebagai penyandang pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan dalam satu istiadat yang dihadiri oleh anak-anak Waris Linggi di sini.

Istiadat berlangsung di rumah seorang Waris perempuan Linggi, Hajah Latifah Abdul Jalal, yang juga adik perempuan Datuk Muda Linggi Haji Ismail.

## Kesalahan

Perisytiharan dibacakan oleh wakil Waris Nan Tertua Linggi, Tan Sri Mohd Said Mohamad, yang juga bekas Menteri Besar Negeri Sembilan. Waris Nan Tertua Linggi, Datuk Laksamana Abdul Kudus Mohamad tidak dapat hadir kerana uzur.

Hadir sama ialah Datuk-datuk Lembaga Tiang Balai di Darat dan di Air yang diketuai oleh Datuk Muda Labu Zainuddin Haji Abdullah serta wakil Tua Waris di Darat dan di Air Luak Sungai Ujong.

Datuk Muda Linggi Haji Ismail menggantikan tem-

pat Encik Abu Zarim Haji Mulop yang dipecat daripada menjadi penyandang pesaka Datuk Muda Linggi oleh anak-anak Waris Linggi dalam satu kerapatan adat pada 27 Mac lalu.

Encik Abu Zarim dipecat kerana beliau dikata melakukan enam kesalahan adat termasuk campur tangannya dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa penyandang pesaka Datuk Muda Linggi tidak berhak mencampuri urusan pemilihan Datuk Kelana Putra kerana ia menjadi hak mutlak anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hillir.

Istiadat perisytiharan itu disusuli dengan istiadat 'bertabur melukut' (kenduri). Semalam anak-anak Waris Linggi menghadiri istiadat 'menebus pesaka' Datuk Muda Linggi yang berlangsung di hadapan Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan di Balai Datuk Shahbandar Kampung Belangan, Seremban.

## Ikrar tadbir adat secara muafakat

LINGGI, Khamis — Datuk Muda Linggi, Haji Ismail Abdul Jalal, yang dilantik sebagai penyandang pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan hari ini berikrar akan mentadbirkan 'adat yang mengutamakan muafakat' di Wilayah Linggi dalam erti kata sebenarnya.

Beliau akan mengatur beberapa siri pertemuan dengan anak-anak Waris Linggi bagi menjelaskan kedudukan sebenar berhubung pentadbiran adat di Wilayah Linggi.

Menurutnya, Wilayah Linggi mengamalkan sistem Adat Temenggong dan dengan itu adalah berbeza dengan Luak-Luak lain di Negeri Sembilan sekiranya ia terletak dalam Luak Sungai Ujong.

## Perpecahan

"Oleh kerana Wilayah Linggi mengamalkan Adat Temenggong, maka ini bermakna tidak wujud sistem 'Perut' di kalangan anak-anak Waris Linggi seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak.

"Hakikat ini perlu diisedari oleh semua anak Waris Linggi supaya tidak wujud sebarang kekeliruan yang mungkin boleh menimbulkan perpecahan sesama kita sendiri," katanya kepada pemberita selepas istiadat perlantikannya di sini hari ini.

Datuk Muda Linggi Haji Ismail berkata anak-anak Waris Linggi berasal daripada keturunan Datuk Awal dan kakaknya, Datuk Serilah. Kedua-dua adik-beradik ini adalah berketurunan raja dari Riau.

Beliau menjelaskan semua anak Waris Linggi ialah bersaudara dan layak menyandang pesaka Datuk Muda Linggi berdasarkan kepada sistem muafakat dan kebulatan.

ULASAN: Perlu mendapat perhatian daripada setiap pengamal 'Adat' iaitu Haji Ismail ini adalah nyata menentang sistem adat berperut-perut tetapi ia menuntut segala itu

ULASAN: Tan Sri Mohd Said ialah jaguh penentang 'Adat berperut-perut di-Linggi.

# Jawatan Datuk Muda Linggi pernah kosong

SEREMBAN, Jumaat — Jawatan adat Datuk Muda Linggi pernah kosong dua kali antara 1912 dan 1976 kerana wujudnya krisis pemilihan penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi di kalangan anak-anak Waris Linggi ketika itu.

Kekosongan pertama selama 20 tahun mulai 1912 apabila anak-anak Waris Linggi gagal mencapai kebulatan mengenal pemilihan penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi kelima berikutan kematian Datuk Muda Linggi keempat, Datuk Mohd Bustam (1893-1912).

Kali kedua berlakunya kekosongan jawatan berkenaan ialah pada 1974 apabila anak-anak Waris Linggi gagal mencapai kata sepakat mengenal pemilihan penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi kelapan ekoran kematian Datuk Muda Linggi ketujuh, Datuk Yahya Abu (1959-1974).

Bagaimanapun, sumber tertinggi adat berkata hari ini krisis kali kedua itu hanya berlarutan dua tahun sahaja.

Aturan adat Wilayah Linggi, yang mengamalkan Adat Temenggong menggariskan bahawa penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi hendaklah dipilih daripada

kalangan anak-anak Waris Linggi mengikut konsep muafakat dan kebulatan.

Aturan adat Wilayah Linggi juga menggariskan bahawa semua anak Waris Linggi yang berasal daripada dua keturunan iaitu Datuk Awal dan kakaknya, Datuk Serilah adalah layak menyandang pesaka berkenaan.

## Aturan adat

Bidangkuasa pemilihan dan pemecatan penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi terletak di tangan anak-anak Waris Linggi sendiri.

Penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi mempunyai kuasa mutlak untuk mengendalikan urusan pentadbiran adat di Wilayah Linggi dan beliau dibantu oleh dua ketua adat dalam lingkungannya yang bergelar Datuk Panglima Besar dan Datuk Panglima Perang.

Oleh kerana Wilayah Linggi termasuk dalam Luak Sungai Ujong maka penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi diistilahkan di segi adat sebagai 'berbapakan Datuk Kelana Putra' (Undang) dan beri-

bukan Datuk Shahbandar'.

Mengikut aturan adat dan pesaka Luak Sungai Ujong, penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi tidak berhak mencampuri urusan pentadbiran adat yang membabitkan anak-anak Waris di Darat dan di Air Luak itu termasuk urusan pemilihan Datuk Kelana Putra dan Datuk Shahbandar.

Aturan adat Luak Sungai Ujong menggariskan bahawa urusan pemilihan Datuk Kelana Putra menjadi hak mutlak anak-anak Waris di Darat manakala urusan pemilihan Datuk Shahbandar pula menjadi hak mutlak anak-anak Waris di Air.

Sumber itu menambah penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi kelapan, Encik Abu Zarim Haji Mulop dipecat oleh anak-anak Waris Linggi pada 27 Mac lalu kerana beliau campurtangan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra ke-10.

Tempat beliau digantikan oleh Haji Ismail Abdul Jalal, yang dilantik sebagai penyanggah pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan oleh anak-anak Waris Linggi dalam satu istiadat di Linggi pagi semalam.

## ULASAN: PENYANDANG PESAKA DATO' MUDA LINGGI

- |                            |                 |      |                     |
|----------------------------|-----------------|------|---------------------|
| 1. Lebai Dolman            | ( 1798 - 1803 ) | I    | } Bergelar Penghulu |
| 2. Jeragan Abd. Rahman     | ( 1803 - 1820 ) | II   |                     |
| 3. Mohd Attas (Katas)      | ( 1820 - 1849 ) | I    | P. Solok            |
| 4. Hj. Mohd Salleh         | ( 1849 - 1870 ) | II   | P. Hilir            |
| 5. Mohd Peral              | ( 1870 - 1893 ) | III  | P. Pengkalan        |
| 6. Mohd Bustam             | ( 1893 - 1912 ) | IV   | P. Solok            |
| 7. Hassan bin Pok          | ( 1932 - 1936 ) | V    | P. Hilir            |
| 8. Syed Ahmad              | ( 1936 - 1959 ) | VI   | P. Pengkalan        |
| 9. Haji Yahya bin Abu      | ( 1959 - 1974 ) | VII  | P. Solok            |
| 10. Zaharin bin Hj. Maulud | ( 1974 - )      | VIII | P. Hilir            |

Memang benar jawatan Dato' Muda Linggi itu pernah kosong selama 20 tahun iaitu dari tahun 1912 - 1932 dan dari tahun 1974 - 1976.

اوتوسن ملايو  
13 . 4 . 76

زهرين موله

داتو، مودا ليڠكي

سانو كيسلانن تيدق  
دسفاچكن تله برلاكو ددالم  
بريتا فرلنتيقنن داتو سودا  
ليڠكي، يڠ دسياركن دموك 2،  
اوتوسن ملايو سمام.

داتو، مودا ليڠكي يڠ  
بارو دلنتيق اياه ا. زهرين  
بن موله دان بوكن ا. زهرين  
بن محمد سمرت يڠ ترسيار.  
فرلنتيقنن ا. زهرين تله  
دسحكن اوله داتو، كلاننقرا  
اولدع لواق سونمي اوجن.  
داتو، محمد قاسيم بن داتو  
نيكا حاج عبدالرشيد، دشن  
دسقسچكن اوله داتو، شهبندر  
سونمي اوجن، داتو، ابو بكر  
بن حاج عثمان.

# Kedudukan Datuk Muda Linggi Haji Ismail tidak boleh dipertikai

## ULASAN:

Haji Othman bin Harun berbicara terlalu bongkak sebagai Pengurusi Jawatankuasa Penyelaras 'adat Wilayah Linggi yang tidak diperakukan langsung oleh Dewan Ke'adilan dan Undang sebagai Dewan tertinggi 'Adat di negeri ini.

Beliau nampaknya telah cuba melaksanakan sesuatu yang diluar kuasanya, beliaunya ketua 'Adat dan tidak pula sebagai seorang pakar 'adat yang berwibawa dalam soal per'adatan hanya beliau muncul dengan tiba-tiba menonjolkan dirinya sebagai penyokong kepada Haji Ismail bin Haji Jalal sebagai Dato' Muda Linggi yang ke-9 konon.

Sebagai Dato' Muda Linggi yang sah yang diiktiraf oleh Dewan Ke'adilan dan Undang, saya ingin bertanya kepada beliau cukupkah dengan hanya penjelasan diakhbar sahaja untuk melucutkan jawatan saya dengan tidak disusuli dengan

tindakan-tindakan lain seperti menahan pembayaran alaun bulanan saya ? Atau apa-apa yang patut dilakukan lagi, seumpama pergi mengadap Tuanku Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan sebagai Pengurusi Dewan menyebarkan apa yang patut disembahkan supaya perlantikan Haji Ismail bin Haji Jalal dapat direstui oleh Dewan. Saya percaya sebagai seorang jaguh bagi masyarakat orang-orang Linggi Tuan Haji Othman bin Harun tidak akan merasa ragu-ragu atau membuat kerja yang alang kepalang, kerana akibatnya tentu akan mengeciwakan. Saperti kata Perbilangannya 'adat:-

SEREMBAN, Rabu — Datuk Shahbandar Shahari Haji Hassan sudah mengesahkan perlantikan Haji Ismail Abdul Jalal selaku penyandang pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Adat Wilayah Linggi, Haji Othman Harun berkata hari ini ia bermakna kedudukan Datuk Muda Linggi Haji Ismail adalah sah di segi aturan adat Wilayah Linggi dan tidak boleh dipertikalkan oleh mana-mana pihak.

Menurutnya, beliau sendiri mengetuai kira-kira 60 anak Waris Linggi dalam istiadat mengadap Datuk Shahbandar Shahari di Balai Datuk Shahbandar Kampung Belangan dekat sini Jumaat lalu.

"Saya bagi pihak anak-anak Waris Linggi sudah menyembahkan istiadat perlantikan Haji Ismail selaku penyandang pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan berikutan pemecatan Enck Abu Zarim Haji Mulop pada 27 Mac lalu.

"Kami juga menjelaskan bahawa istiadat 'bertabur melukut' atau kenduri sudah disempurnakan dan dihadiri oleh sebilangan besar anak-anak Waris Linggi pada 14 April lalu di Linggi.

"Datuk Shahbandar Shahari puas hati dengan penjelasan itu dan kemudian terus mengesahkan perlantikan Haji Ismail selaku penyandang pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan," katanya kepada Berita Harian di sini.

Haji Othman berkata perlantikan Haji Ismail selaku penyandang pesaka Datuk Muda Linggi kesembilan mendapat kebulatan daripada anak-anak Waris Linggi selaras dengan aturan adat Wilayah Linggi.

Mengenai Jawatankuasa itu, beliau berkata Datuk Muda Linggi Haji Ismail meminta supaya ia terus berfungsi bagi tujuan memelihara lagi urusan pentadbiran Adat Temenggong di Wilayah Linggi.

Menurutnya, Jawatankuasa itu akan membantu Datuk Muda Linggi Haji Ismail membereskan beberapa urusan pentadbiran adat yang dianggap penting terutama mengisi kekosongan jawatan Datuk Panglima Besar dan Datuk Panglima Perang.

Alang tukang binasa kayu  
Alang cerdik binasa 'adat  
Alang alim rosak Uqama  
Alang sefaham kacau negeri ".